

Pustakawan Islam Perlu Kuasai Pelbagai Ilmu Islam - Abdullah Bernama
Sept 4, 2014

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Pustakawan Islam perlu memantapkan diri dengan kemahiran dan penguasaan pelbagai ilmu Islam agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau selaku Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) berkata kemahiran itu akan membolehkan mereka untuk mengesan, memilih serta memproses buku dengan lebih cekap dan berkualiti.

Selain kekuatan koleksi, pustakawan Islam juga harus mempunyai kemahiran profesional kepustakawanan, komunikasi, kepimpinan dan jalinan kerjasama dengan pustakawan lain, katanya dalam ucapan perasmian Seminar Kepustakawanan Islam 2014 di sini pada Khamis.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Ikim, Datuk Nik Mustapha Nik Hassan.

"Pada masa kini, pustakawan Islam perlu menyahut cabaran untuk setanding dengan para ilmuan zaman silam yang merupakan tokoh pustakawan Islam seperti Sahal ibn Harun dan Sa'id ibn Harun yang menerajui Bayt al Hikmah di Baghdad," katanya.

Abdullah berkata aspek modal insan dalam pentadbiran dan pengurusan perpustakaan Islam juga perlu diberi perhatian untuk mencapai matlamat tadbir urus perpustakaan yang setanding dengan perpustakaan yang ternama di zaman ini.

Sebanyak tujuh kertas kerja dibentangkan dalam seminar dua hari itu yang bertujuan memperkasakan kepustakawan Islam di Malaysia dari pelbagai aspek seperti profesionalisme, koleksi serta teknologi maklumat serta komunikasi.

Beliau berharap seminar itu dapat melahirkan pustakawan yang mempunyai gandingan pengetahuan dan kemahiran disiplin Islam serta sains perpustakaan yang tinggi.

Kini terdapat 180 perpustakaan Islam di seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1066069>